

01 JUL 2003

MAHATHIR-BPA/I

BPA TINGKATKAN PERDAGANGAN M'SIA DENGAN SESETENGAH NEGARA MEMBANGUN
SEBANYAK 400 PERATUS

KUALA LUMPUR, 1 Julai (Bernama) -- Malaysia telah meningkatkan perdagangannya sebanyak 400 peratus dengan sesetengah negara membangun melalui Peraturan Pembayaran Bilateral (BPA), kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Malaysia mewujudkan BPA sebagai satu mekanisma pembayaran dalam perdagangannya dengan negara yang tidak cukup pendapatan mata wang asing.

Di bawah peraturan itu, pengeksporth dibayar dalam mata wang tempatnya oleh bank pusat negara itu atau bank yang ditetapkan manakala pengimport membayar dalam mata wang tempatan kepada bank pusat atau bank yang ditetapkan.

Berucap di Konvensyen Antarabangsa Mengenai Dinar Emas sebagai Pilihan Mata wang Antarabangsa di sini, beliau berkata, yang menarik mengenai BPA ialah perlunya ada mata wang asing diminimumkan.

"Pada akhir tempoh yang dipersetujui, bank yang ditetapkan akan membuat bayaran kontra akaun masing-masing untuk menentukan negara mana yang mempunyai defisit dan baki dalam perdagangan akan dijelaskan dalam mata wang asing yang dipersetujui seperti dollar AS, yen atau euro.

"Oleh kerana bakinya lebih kecil daripada jumlah perdagangan, keperluan untuk ada mata wang asing adalah minimum. Sebaliknya, baki itu boleh dibawa ke hadapan bagi perdagangan akan datang," katanya. -- BERNAMA

MAD KTC AHM